

BAB PERTAMA

BAB PERTAMA

PENGENALAN

1.0. Pendahuluan

Al-Quran merupakan kalam/kata-kata Allah S.W.T. yang diturunkan oleh Allah kepada Baginda Nabi Muhammad S.A.W. sebagai perundangan hidup manusia untuk disebarluaskan oleh Baginda kepada seluruh umat manusia untuk diamalkan di dalam kehidupan mereka. Di dalam al-Quran ini Allah S.W.T. telah menggunakan bahasa yang paling hebat dan unggul sehingga tiada seorang manusia pun yang mampu mencipta sesuatu yang menyamai al-Quran. Hal ini ditegaskan sendiri oleh Allah S.W.T di dalam firmanya sebagaimana berikut :

(وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَبِّ مِنَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأَنْتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِثْلِهِ وَادْعُوا شَهِادَكُمْ
مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَدِيقِينَ * فَإِنْ لَمْ تَفْعُلُوا وَلَنْ تَفْعُلُوا فَاتَّقُوا النَّارَ الَّتِي وَفُودُهَا
النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أَعْدَتْ لِلْكَافِرِينَ) Surah al-Baqarah ayat 23 dan 24

Maksudnya :

“ Dan jika sekiranya kamu di dalam keraguan daripada apa yang kami turunkan ke atas hamba kami maka hendaklah kamu memhawa datang/mencipta satu surah yang seumpamanya dan ajaklah pembantu-pembantu kamu selain daripada Allah jika sekiranya kamu dari golongan yang benar. Maka jika sekiranya kamu tidak mampu dan sudah pasti kamu tak akan mampu

selama-lamanya maka takutlah akan api neraka di mana bahan bakarnya adalah manusia dan batu yang disediakan kepada orang-orang kafir”.

Untuk melihat hakikat keunggulan bahasa al-Quran inilah maka kajian ini dijalankan.

Kajian mengenai huruf-huruf Muqatta'ah di awal surah-surah al-Quran merupakan suatu aspek yang masih belum dibuat pengkajian secara khusus dalam bahasa Melayu dan belum dikenali ramai. Perbincangan mengenai huruf-huruf Muqatta'ah ini merupakan perbincangan terhadap salah satu unsur mukjizat yang ada di dalam al-Quran. Ia merupakan pemaparan terhadap kehebatan bahasa al-Quran itu sendiri. Menyedari hakikat inilah, penulis memilih bidang penanda wacana di awal surah al-Quran sebagai medan kajian. Pemilihan tajuk “Penggunaan Huruf-Huruf Muqatta'ah Di Awal Surah Dan Kaitannya Dengan Kandungan Surah-Surah al-Quran. Satu Analisis” adalah amat bersesuaian untuk pendedahan kepada umum terhadap kehebatan bahasa al-Quran dan juga bahasa Arab.

Kajian ini pada prinsipnya menyentuh tentang hubungkait yang wujud di antara huruf-huruf Muqatta'ah dengan isi kandungan surah-surah yang didahuluinya dan ciri-ciri huruf abjad Arab. Perbincangan dimulakan dengan ciri-ciri huruf abjad Arab serta hubungkait sifat-sifat huruf dengan makna yang ditunjukkan oleh huruf-huruf abjad tadi. Satu perbincangan secara khusus mengenai makna yang ditunjukkan oleh huruf-huruf abjad yang digunakan oleh Allah S.W.T. di permulaan surah-surah al-Quran dibuat di dalam kajian ini. Secara umumnya kajian ini merupakan analisis terhadap huruf-huruf Muqatta'ah yang berada di permulaan surah-surah al-Quran. Fakta-fakta yang dikemukakan disertakan dengan contoh

serta pandangan-pandangan ulama yang dirasakan perlu. Kajian ini dikira amat sesuai dan berguna kepada pelbagai golongan terutama mereka yang berminat untuk membaca serta mengkaji tentang kehebatan bahasa al-Quran dan bahasa Arab.

Kajian ini secara keseluruhannya membincangkan tentang makna yang dipunyai oleh huruf-huruf Muqatta·ah di awal surah-surah di dalam al-Quran dan hubungkait dengan isi kandungan surah-surah berkenaan. Perbincangan mengenai hubungkait di antara huruf-huruf Muqatta·ah dengan isi kandungan surah merupakan asas utama kepada kajian ini.

Penulis tidak menafikan adanya kekurangan dan kesilapan dalam kajian ini. Oleh itu sebarang teguran dan pembetulan semula amat dialu-alukan.

Akhirnya apa yang menjadi harapan penulis, semoga kajian ini dapat memberi sumbangan kepada semua pihak khususnya para pengkaji bahasa al-Quran dan bahasa Arab.

1.1. Penyataan Masalah

Huruf-huruf Muqatta·ah merupakan huruf-huruf yang terletak di permulaan surah-surah tertentu di dalam al-Quran dan ia merupakan pendahuluan atau pembukaan kepada surah-surah tertentu di dalam al-Quran. Ia juga merupakan huruf-huruf abjad Arab yang disambung di antara satu sama lain dan terbentuk seperti satu perkataan kerana ia terdiri daripada dua, tiga, empat atau lima huruf tetapi ia bukannya satu perkataan kerana ia tidak mempunyai atau menunjukkan kepada sesuatu makna tertentu yang khusus sebagaimana yang dipunyai oleh satu-satu perkataan di dalam bahasa Arab seperti kata nama, kata kerja, harf dan sebagainya. Kadangkalanya ia hanya terdiri daripada satu huruf tunggal sahaja.

Huruf-huruf Muqatta·ah ini walaupun ia merupakan huruf-huruf abjad yang digabungkan dalam bentuk lima, empat, tiga, dua atau pun hanya satu huruf sahaja dan tidak mempunyai atau menunjukkan kepada makna khusus seperti satu perkataan, namun ia mempunyai suatu pengertian dan makna simbolik tertentu di sebalik penggunaan huruf-huruf tersebut oleh Allah S.W.T. Ini bermakna huruf-huruf Muqatta·ah ini mempunyai maknanya yang tersendiri walaupun tak sama dengan makna yang dimiliki oleh satu-satu perkataan .

Huruf-huruf ini merupakan sebahagian daripada perkara-perkara mutasyābiḥat yang ada di dalam al-Quran. Ia merupakan satu perkara yang tidak diketahui maksudnya kecuali melalui takwil dan penjelasan serta penerangan (al-Zarkasyiyy. 1988: 2/ 81). Ia merupakan sebahagian daripada kandungan al-Quran itu sendiri.

Isi kandungan al-Quran pada umumnya boleh dibahagikan kepada dua bahagian utama iaitu muḥkamāt dan juga muṭasyābiḥāt. Muḥkamāt ialah kandungan al-Quran yang jelas maksudnya yang tidak memerlukan kepada apa-apa penerangan dan penjelasan untuk memahami kehendak maksudnya (al-Sayūtiyy. 2/ 2). Hal ini telah dijelaskan sendiri oleh Allah S.W.T. di dalam firmannya sebagaimana berikut :

(هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُّحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَآخَرُ مُتَشَابِهَاتٌ)

Surah Ali-Imran ayat 7-

Ertinya : "Dialah (Allah) yang menurunkan kitab (Al-Quran) kepada engkau, di antaranya ada ayat-ayat yang muḥkamāt, semua itu merupakan asas kitab (Al-Quran) dan yang lainnya mutasyābiḥāt ".

Dari sini jelaslah bahawa kandungan Al-Quran ini secara umumnya terbahagi kepada dua bahagian, iaitu yang jelas dan terang maksudnya dan yang samar atau tidak jelas maksudnya.

Yang jelas maksudnya tidak memerlukan kepada penerangan dan pentafsiran makna simboliknya kerana maksudnya dapat difahami dengan jelas. Sementara yang kurang jelas atau kesamaran makna/maksud memerlukan kepada suatu penjelasan dan pentafsiran makna simboliknya .

Oleh kerana huruf-huruf ini merupakan sebahagian daripada perkara-perkara mutasyābiḥāt di dalam al-Quran sudah pasti ada sesuatu yang cukup menarik di sebalik penggunaannya di dalam al-Quran. Perbahasan mengenainya juga sudah pastilah hebat kerana ia merupakan sebahagian daripada perkara yang kurang jelas maksudnya yang memerlukan pemerhatian yang cukup teliti .

Suatu kajian yang mendalam harus dibuat terhadap rahsia bahasa yang ada di sebalik penggunaan huruf-huruf tersebut oleh Allah S.W.T sebagai pembukaan atau muqadimah kepada surah-surah tertentu di dalam al-Quran. Apakah kesinambungan yang ada di antara huruf-huruf Muqatta'ah ini dengan isi kandungan surah-surah yang di dahuluinya? Apakah keistimewaan penggunaan huruf-huruf tersebut dan apakah ketinggian bahasa yang merupakan salah satu unsur mukjizat al-Quran itu sendiri yang tersemat di dalam penggunaan huruf-huruf ini?

Masyarakat umum kebanyakannya tersalah anggap terhadap penggunaan huruf-huruf tersebut di dalam al-Quran. Kebanyakan mereka beranggapan bahawa huruf-huruf ini yang berada di awal surah-surah tertentu al-Quran tidak mempunyai apa-apa erti atau makna simbolik yang dikehendaki. Kebanyakan masyarakat masih lagi belum terdedah secara terbuka kepada perbahasan penggunaan huruf-huruf ini sama ada perbahasan dari sudut bahasa mahupun pentafsiran. Dengan kajian ini diharapkan Insya Allah salah tanggapan masyarakat terhadap huruf-huruf ini akan dapat diatasi.

Kajian ini pada prinsipnya menyentuh pelbagai aspek tentang penggunaan huruf-huruf Muqatta'ah ini di awal surah al-Quran, terutama dari aspek bahasa yang lebih diberi penekanan. Keistimewaan huruf-huruf ini dari aspek bahasa dan perkaitannya dengan kandungan surah-surah yang dimulakan dengan huruf-huruf ini menjadi tunggang utama di dalam kajian ini.

Pemilihan tajuk "Penggunaan Huruf-Huruf Muqatta'ah Di Awal Surah Dan Kaitannya Dengan Kandungan Surah-Surah Al-Quran : Satu Analisis" adalah sebagai suatu usaha bagi mendalami kefahaman terhadap rahsia mukjizat al-Quran

dari aspek bahasa. Kajian ini bertujuan memperluaskan lagi perbincangan di tanah air ini tentang keunggulan bahasa Arab yang berlandaskan kepada al-Quran. Di samping itu, ia juga bertujuan menyelesaikan permasalahan salah faham masyarakat terhadap penggunaan huruf-huruf Muqatta'ah di dalam al-Quran. Semoga ianya akan menjadi satu inspirasi baru terhadap pengkaji-pengkaji bahasa Arab yang ingin melihat keunggulan bahasa ini berlandaskan kepada al-Quran.

1.2. Kepentingan Kajian

Kajian ini akan melahirkan satu gambaran lengkap mengenai penggunaan huruf-huruf Muqatta'ah di awal surah al-Quran. Suatu penjelasan yang lebih tersusun dan lengkap akan ditonjolkan di sini mengenai makna yang ada pada huruf-huruf Muqatta'ah di setiap surah-surah tertentu di dalam al-Quran.

Satu pembentangan akan dibuat di dalam kajian ini terhadap kesesuaian huruf-huruf tersebut dengan surah-surah yang ada dan seterusnya apakah perkaitannya dengan kandungan surah-surah yang dimulakan dengan huruf-huruf tersebut. Justeru itu, penulis mendapati kajian ini amat penting sebagai satu usaha dalam menerokai bidang ilmu ini, seterusnya memberi pendedahan yang jelas kepada masyarakat terhadap rahsia penggunaan bahasa al-Quran melalui penggunaan Allah S.W.T terhadap huruf-huruf Muqatta'ah ini. Kajian ini juga akan membuat pendedahan terhadap mukjizat al-Quran melalui penggunaan oleh Allah S.W.T. terhadap huruf-huruf Muqatta'ah di awal surah-surah al-Quran .

Di antara kajian terdahulu yang pernah dibuat oleh ulama terdahulu ialah Tafsir al-Marāghīyy, Tafsir Abi Sa‘ūd, Tafsir Fi Zilāl al-Quran dan beberapa buah lagi kitab-kitab tafsir yang lain termasuk kitab-kitab Ulum al-Quran, tetapi perbincangan mengenainya di dalam kitab-kitab tafsir dan Ulum al-Quran ini tidak dilakukan secara khusus. Perbincangan mengenainya hanya dibuat di permulaan perbincangan setiap surah yang didahului oleh huruf-huruf Muqatta·ah ini sahaja di dalam kitab-kitab tafsir dan dibawah tajuk Fawātiḥ al-Suwar (فواتح السور) di dalam kitab-kitab Ulum al-Quran.

1.3 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah seperti berikut :

1. Mengkaji tentang keunggulan bahasa al-Quran melalui penggunaan huruf-huruf Muqatta·ah di awal surah-surah tertentu di dalam al-Quran.
2. Mengkaji dan menyelidik keunggulan mukjizat al-Quran untuk menembusi fakta-fakta baru dalam bidang ilmu ini.
3. Melahirkan kemantapan kesahaman terhadap penggunaan huruf-huruf Muqatta·ah di dalam al-Quran.
4. Menyediakan satu bahan rujukan kepada para pengkaji rahsia ketinggian bahasa al-Quran dalam kajian ini.
5. Melihat kaitan yang wujud antara huruf-huruf Muqatta·ah dengan isi kandungan surah-surah yang didahului oleh huruf-huruf berkenaan

1.4. Batasan kajian

Kajian ini tertumpu pada analisis penggunaan huruf-huruf Muqatta·ah di awal surah al-Quran. Dalam menjalankan kajian, penulis akan memfokuskan kepada empat aspek berikut :

- i) Jenis-jenis huruf di dalam bahasa Arab.
- ii) Ciri-ciri umum huruf abjad dalam bahasa Arab dan sedikit perbandingan dengan beberapa bahasa lain.
- iii) Analisis terhadap huruf-huruf Muqatta·ah yang berada di awal surah-surah al-Quran.
- iv)Analisis terhadap hubungkait serta wacana yang wujud di antara huruf-huruf Muqatta·ah dengan kandungan surah-surah al-Quran yang didahului oleh huruf-huruf tersebut.

1.5. Metodologi Kajian

Dalam menjalankan kajian ini, penulis menggunakan metod perpustakaan sahaja, iaitu pengumpulan data utama dari al-Quran dan juga data-data yang berkaitan dari kitab-kitab lama, kemudian data-data tersebut terus dianalisis untuk mendapatkan hasil utama kajian ini, iaitu rahsia bahasa yang ada padanya dari aspek hubungkait huruf-huruf Muqatta·ah tadi dengan isi kandungan al-Quran.

Keseluruhan kajian ini tertumpu kepada kajian perpustakaan kerana data-data yang diperlukan hanya boleh didapati melalui bahan-bahan perpustakaan sahaja. Oleh kerana kajian ini menumpukan kepada penggunaan huruf-huruf Muqatta'ah di dalam al-Quran, maka rujukan dalam bahasa Arab akan lebih diutamakan di samping rujukan dalam bahasa Melayu sebagai rujukan kedua di tempat yang sesuai.

Secara dasarnya al-Quran dijadikan sebagai asas pertama dalam kajian ini di samping kitab-kitab tafsir, kitab-kitab tentang bahasa Arab (linguistik Arab) dan juga kitab ulum al-Quran dan juga kitab-kitab qiraat sebagai sumber asas di dalam pengambilan data-data untuk dianalisis dan disusun.

1.6 Organisasi Kajian

Kajian ini terdiri dari 4 bab . Bab pertama merupakan pengenalan kepada bab-bab seterusnya. Di dalamnya dinyatakan pernyataan masalah kajian, kepentingan, tujuan, batasan dan metodologi yang digunakan dalam kajian serta organisasi kajian .

Bab kedua memaparkan tentang pengelasan huruf-huruf abjad Arab. Di dalamnya dinyatakan pembahagian huruf-huruf dalam bahasa Arab, di samping membincangkan tentang perkaitan bunyi dengan huruf-huruf tersebut, iaitu perkaitan sifat-sifat yang dimiliki oleh bunyi semasa proses penuturan satu-satu huruf dengan huruf-huruf berkenaan dan hasilnya huruf tersebut menunjukkan kepada makna simbolik yang sesuai dengan sifat-sifat bunyi tersebut semasa proses penyebutan huruf berkenaan. Bab ini juga memaparkan tentang perkaitan huruf-huruf dengan makna. Di dalam bab ini juga penulis mengemukakan ciri-ciri yang ada pada huruf-

huruf abjad bahasa Arab. Di sini juga penulis mengemukakan konsep-konsep serta makna-makna simbolik yang dipunyai oleh setiap huruf-huruf Muqatta·ah.

Di dalam bab ketiga pula satu perbincangan secara khusus mengenai konsep huruf Muqatta·ah dikemukakan. Di sini dibentangkan apakah yang dimaksudkan dengan huruf-huruf Muqatta·ah yang berada di permulaan surah-surah tertentu al-Quran. Penjelasan secara umum juga dikemukakan berkenaan dengan surah-surah yang dimulakan oleh huruf-huruf Muqatta·ah ini .

Di dalam bab ini juga di jelaskan tentang pendapat-pendapat para ulama mengenai huruf-huruf Muqatta·ah ini dari aspek makna yang dimiliki dan yang ditunjukkan oleh huruf-huruf tersebut. Di samping itu, dikemukakan juga pendapat ulama berkenaan pentafsiran huruf-huruf berkenaan .

Perbincangan yang seterusnya di dalam bab ini mengenai makna yang dimiliki oleh huruf-huruf gabungan **الْمٰ** dan isi kandungan surah-surah yang didahuluinya secara ringkas serta hubungkait yang wujud antara huruf-huruf tersebut dengan isi kandungan surah-surah yang didahuluinya iaitu surah-surah al-Baqarah, Ali-Imran, al-Ankabut, al-Rum, al-Luqman dan al-Sajdah.

Seterusnya perbincangan ditumpukan kepada makna-makna yang dimiliki atau ditunjukkan oleh huruf-huruf **الرَّ**. Seterusnya tentang isi kandungan surah-surah yang di dahului oleh huruf-huruf berkenaan dibincangkan. Perbincangan mengenai isi kandungan surah-surah tersebut dikemukakan secara keseluruhan sahaja, hanya melibatkan isi-isi utama sahaja yang dikemukakan di sini. surah-surah tersebut ialah Yunus, Hud, Yusuf, Ibrahim, al-Hijr. Seterusnya perbincangan diteruskan dengan

hubungkait serta wacana yang wujud di antara huruf-huruf berkenaan dengan isi kandungan surah-surah berkenaan.

Perbincangan diteruskan lagi di dalam bab ini dengan ditumpukan kepada makna yang dimiliki oleh huruf-huruf ﷺ di awal surah-surah Ghafir, Fussilat, al-Zukhruf, al-Dukhan, al-Jathiah dan al-Āhqaf. Kemudian dikemukakan pula secara ringkas kandungan surah-surah yang dimulai oleh huruf-huruf ﷺ. Ini kemudiannya diikuti dengan perbincangan hubungkait serta wacana yang wujud antara huruf-huruf tersebut dengan isi kandungan surah-surah berkenaan.

Perbincangan terakhir di dalam bab ini mengenai makna-makna yang dimiliki oleh huruf-huruf yang berada di permulaan surah-surah al-A'raf, al-Rā'du Maryam, al-Syura, Taha, al-Syuara', al-Qasas, al-Naml, Yasin, Sad, Qaf dan al-Qalam. Selepas perbincangan mengenai makna-makna huruf-huruf berkenaan, satu perbincangan mengenai isi kandungan surah-surah berkenaan dikemukakan. Akhirnya satu perbincangan mengenai hubungkait serta wacana yang wujud di antara huruf-huruf yang mendahului surah yang tersebut di atas tadi dengan isi kandungan surah-surah berkenaan dikemukakan.

Bab keempat merupakan bab penutup bagi kajian ini. Dalam bab ini penulis membuat kesimpulan mengenai kajian ini secara keseluruhannya. Di sini penulis akan mengemukakan hasil dari kajian ini. Penulis juga membuat rumusan tentang kedudukan huruf-huruf Muqatta'ah di awal surah-surah tertentu di dalam al-Quran.

1.7 PENUTUP

Kajian ini diharapkan dapat menjadi panduan kepada para pengkaji al-Quran yang mahu melihat tentang keindahan dan kesyumulan bahasa al-Quran yang merupakan bahasa Allah S.W.T. sendiri kerana ia merupakan kalam Allah, sekali gus memperlihatkan tentang kehebatan bahasa Arab itu sendiri.

Di samping itu, ia juga diharapkan dapat memberi sedikit sumbangan terhadap perkembangan ilmu yang berkaitan dengan al-Quran di Nusantara ini yang secara langsungnya ada kaitannya dengan pembelajaran serta pengkajian terhadap bahasa Arab itu sendiri yang merupakan bahasa yang sangat indah dan menarik di atas dunia ini, serta dipenuhi dengan hukum-hukum tatabahasa yang banyak.